

## ANALISA KEPATUHAN SYARIAH DALAM ASPEK AKIDAH: KAJIAN KHUSUS FILEM MUNAFIK 1

### *Local Wisdom In Death Customs Among Malay Community From The 'Urf Perspective*

Hajar Opir<sup>i</sup>, Mohammed Yusof<sup>ii</sup>, Mardhiyyah Sahri<sup>iii</sup>& Wan Yusnee Abdullah<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Emel: [hajar\\_opir@uitm.edu.my](mailto:hajar_opir@uitm.edu.my)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Emel: [m77@um.edu.my](mailto:m77@um.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor. Emel: [mardhiyyah@salam.uitm.edu.my](mailto:mardhiyyah@salam.uitm.edu.my)

<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan (PhD), Center for Foundation and General Studies, Universiti Selangor.  
 Emel: [wanyusnee@unisel.edu.my](mailto:wanyusnee@unisel.edu.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p>Trend kecenderungan pengarah filem di Malaysia terhadap genre religi dan dakwah menunjukkan peningkatan yang ketara mutakhir ini. Perkembangan ini menampakkan respon positif daripada pengarah dan penerbit filem ke arah memartabatkan industri filem yang lebih berkualiti. Namun, dalam keghairahan penerbitan genre ini terdapat babak-babak akidah yang tidak mengikut piawaian syarak. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisa sejauhmana elemen akidah yang digarap oleh pengarah filem menepati kepatuhan syarak berdasarkan nas al-Quran dan Hadis. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui analisa isi kandungan filem. Dapatan kajian dianalisa menggunakan mix kaedah CAVDI-xpro dan ATLAS.ti 11.0. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 5 kod akidah yang tidak signifikan kepada kepatuhan syariah.</p> <p><b>Kata kunci:</b> kepatuhan syariah, akidah, filem</p>	<p>The trend of film directors in Malaysia in preferring religion and preaching genre has been significantly increasing in recent times. This progress has shown a positive response from directors and film producers in improving film industry to higher-standard. Despite the enthusiasm in producing film of this type of genre, there are scenes that do not comply with Islamic law. Thus, this study aims to analyze how far does the element of aqidah applies by directors in film that complies with Islamic law based on the Quran and Hadith. This study utilized a qualitative research framework using film content analysis. The findings of the study were analyzed using mix methode CAVDI-xpro and ATLAS.ti 11.0. The results show that there are 5 aqidah code that are insignificant to syariah compliance.</p> <p><b>Keyword:</b> syariah compliance, aqidah, film</p>

## PENDAHULUAN

Akidah merupakan tunjang kepada kepercayaan seseorang individu muslim. Ia bermaksud simpulan, ikatan dan pegangan yang kuat yang diyakini dalam hati yang melahirkan kepercayaan yang jitu dan pasti tanpa sebarang keraguan berdasarkan pertimbangan *dalil* yang benar sehingga mencapai tahap keyakinan yang mutlak (Mustafa Sa' id, 1996). Tunjang akidah ini terbina berdasarkan swadaya kepada rukun iman yang meliputi kepercayaan kepada Allah SWT (al-Ikhlas, 112: 1), rasul (Ibrahim, 14:4), malaikat (al-Baqarah, 2: 285), kitab (al-Nahl, 16: 89), qada' dan qadar (al-Qamar, 54: 49) serta hari kiamat (al-Zumar, 39: 7). Menurut Suaiman (1987) keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran ('*aql*), daya memilih (*iradah*) dan perasaan (*wujdan*). Doktrin asasi ini mampu membentuk dan mencorak segenap kehidupan manusia mencakupi pemikiran, emosi dan tingkah laku barsandarkan syariat Islam sehingga umat Islam benar-benar tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT (Muhammad, 1983).

Oleh itu, manifestasi daripada keutuhan akidah akan melahirkan seorang seniman yang memandang sesuatu itu bukan hanya sekadar perkara zahir tetapi sentiasa berpaksikan kepada keimanan yang mantap. Justeru, ia memahami bahawa setiap apa yang dilakukan oleh manusia akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT di hari akhirat kelak. Jelas, pandangan akidah ini berfungsi sebagai piawaian dalam segenap tindakan manusia. Gambaran seperti ini akan mendorong para seniman Islam untuk menghasilkan karya-karya yang dapat membawa masyarakat ke arah mengenal penciptaNya, menggagaskan ke arah ketakwaan kepada Allah SWT, menyuruh kepada kebaikan, membentuk budi, adab dan sahsiah yang murni.

Dalam konteks filem, fungsinya sebagai medium menyampaikan mesej yang mencakupi perkakasan (*hardware*), perisian (*software*), kaedah dipersembahkan (*userware*) dan seni persembahan (*underware*) tidak dapat dinafikan (Naim, 2011). Ia mampu mempengaruhi khalayak yang menontonnya malah merangsang tindak tanduk, membentuk perilaku dan mengufuk pemikiran masyarakat. Ini dibuktikan oleh kajian Azizi Yahaya, et al (2014), Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2004), Wan Norina Wan Hamat et. al (2013), Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah (2009). Kajian Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad (2009) pula mengabsahkan kolerasi yang signifikan antara filem dan ideologi. Manakala Zoheir (2009) berpendapat bahawa garapan filem dapat mengeksplorasikan emosi seseorang individu.

Namun, dalam keghairahan pengarah dan penerbit filem menghasilkan karya yang berkualiti aspek akidah mestilah diambil perhatian yang serius. Terdapat beberapa kajian yang menyorot isu ini, antaranya kajian Monika Munirah et al (2016) terhadap tiga filem bergenre seram di Malaysia yang mendapati bahawa aspek watak mendominasi unsur syirik dalam penceritaan filem tersebut. Ini diperkuuhkan oleh kajian Faridah Mat (2006) yang

mendapati unsur syirik dalam roh orang yang mati tidak tenteram, perjanjian bomoh dengan syaitan dan seruan memanggil jin banyak disajikan dalam filem. Manakala Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz (2013) serta Siti Aisyah Hadi Munir dan Muhammad Faisal Asha'ari (2017) berpendapat bahawa terdapat kolerasi yang signifikan antara filem seram dengan isu akidah.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisa kandungan yang memfokuskan asek akidah. Filem Munafik 1 adalah sebagai sampel kajian. Analisa data adalah menggunakan kaedah CAVDIx-pro dan ATLAS.ti 11.0. CAVDIxpro adalah *computer assisted for video data index using x* program, iaitu informasi data video berbantu komputer di mana 'x' adalah nama program komputer yang digunakan untuk melihat *scene* berdasarkan kod masa. Kajian ini menggunakan perisian MPEG Streamclip versi 1.9.2. Manakala perisian ATLAS.ti pula menggunakan kaedah Strauss and Corbin's yang mengguna pakai sistem pengkodan (*coding*) dan petikan (*quotation*) bagi mendapatkan data yang sistematik dan tepat (Anselm Strauss and Juliet M. Corbin, 1998)

Pembentukan kriteria filem patuh syariah adalah berdasarkan kepada kaedah tringulasi data iaitu data yang melibatkan pengutipan pelbagai sumber. Sumber kriteria dirangka berdasarkan perbahasan prinsip Islam, hukum fiqh, garis panduan daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) dan enam (6) fatwa iaitu tiga (3) fatwa daripada Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK) dan tiga (3) Fatwa Negeri (WN). Kemudian telah disahkan oleh lima (5) kumpulan pakar iaitu Azhari Mohd Zain (Pengarah Filem 7 Petala Cinta, 2012), Anhar Bin Opir (Sahibus Samahah (SS) Timbalan Mufti Selangor), Naim Hj. Ahmad (Ketua Juri Anugerah Skrin 1998-2016), Hairulazam Ramli (Ketua Unit Kawalan Kandungan TV Hijrah Media Corporation) dan Suria Shapie dan Radihan Saari (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM). Kriteria tersebut adalah akidah, akhlak, pakaian, watak, nyanyian, muzik, perkakasan dan latar atau lokasi. Manakala setiap kriteria tersebut diperincikan elemen-elemannya.

## SKOP KAJIAN

Terdapat 14 elemen akidah yang dikodkan (*coding*) beserta keterangannya. Kajian ini hanya memfokuskan kepada elemen akidah yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah.

Jadual 1: Kod Akidah dan Keterangan

Bil	Kod	Keterangan
1	AKI 1	Tidak megandungi unsur syirik, khurafat dan tasyul.
2	AKI 2	Tidak mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam terutamanya yang terangkum dalam rukun Iman.
3	AKI 3	Mesej bukan anti tuhan atau anti agama
4	AKI 4	Tema tiada unsur fahaman Pluralisme (menyamaratakan semua agama)
5	AKI 5	Tema tiada unsur fahaman Liberalisme (kebebasan dalam agama)
6	AKI 6	Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.
7	AKI 7	Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.
8	AKI 8	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mempercayai ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW
9	AKI 9	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur wahyu masih turun selepas kewafatan Rasulullah SAW
10	AKI 10	Plot penceritaan tidak mengandungi <i>istighasah</i> (seruan terhadap orang mati) yang boleh memberi pertolongan dan berkat
11	AKI 11	Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum <i>karma</i> )
12	AKI 12	Plot penceritaan tidak mengandungi unsur pendewaan dan pemujaan selain daripada Allah SWT seperti kuasa hantu.
13	AKI 13	Plot penceritaan tidak megandungi elemen fantasi yang tidak memberi apa-apa manfaat
14	AKI 14	Plot penceritaan tiada mengandungi bentuk-bentuk mukjizat para Rasul

## ANALISA DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisa berdasarkan kandungan filem mendapat terdapat lima kod elemen yang tidak signifikan dengan kriteria filem patuh syariah seperti kod dan keterangan di bawah.

- i. AKI 1 - Tidak megandungi unsur syirik, khurafat dan tasyul.  
 Analisa kajian mendapat terdapat banyak *scene* yang tidak menepati AKI 1 seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah 1 hingga 3.


Gambar Rajah 1



Gambar Rajah 2



Gambar Rajah 3



Gambar rajah 1 hingga 3 memaparkan *scene* yang mengandungi elemen syirik dan khurafat dalam pelbagai adegan. Petikan (*quotation*) di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

Jenazah yang berada di bilik mayat tiba-tiba duduk ketika Maria melarikan diri dari gangguan makhluk halus (para 2.2, 01:13:05,17, 01:13:53,23, 01:13:57,12.).

Tangkal milik Zeti yang dipercayainya boleh melindungi keluarganya pemberian seorang bomoh (para 2.3, 01:16:17,20, 01:16:20,09, 01:16:33,17).

Pak Osman percaya kepada kuasa iblis yang digunakan untuk menyihir orang kampungnya (para 2.4, 01:25:11,01, 01:25:13,21, 01:25:19,17).


Ajaran Islam berpaksikan kepada akidah yang benar dan memerangi segala bentuk syirik dan khurafat. *Scene* mayat yang bangun ketika Maria melarikan diri ke bilik mayat adalah perkara khurafat yang mesti dijauhi. Walaupun tujuannya adalah untuk memberi ketakutan kepada audien, namun perkara yang berkaitan khurafat tidak boleh sama sekali dipermainkan dan dipaparkan (Rahid Redza, tt). Gambar rajah 2 dan 3 adalah berkaitan bentuk-bentuk syirik. Babak Zeti yang menyimpan tangkal berbentuk patung adalah perbuatan syirik kerana beliau mempercayai bahawa ia mampu memberi perlindungan kepada diri dan keluarganya. Ini bercanggah sama sekali dengan aplikasi keimanan yang teguh kepada kekuasaan Allah SWT sama ada sifat, nama dan perbuatanNya. Kepercayaan Pak Osman pula terhadap sihir yang mampu mengganggu dan memberi kemudharatan kepada manusia dengan menggunakan syaitan adalah akidah yang rosak. Ia termasuk salah satu bentuk

syirik besar kepada Allah SWT (Salih 'Abdul 'Aziz, 2002). Ia selari dengan firman Allah SWT: "Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa mempersekuatkan (sesuatu) dengan Dia, dan dia mengampuni dosa yang selain syirik bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekuatkan (sesuatu) dengan Allah, maka sesungguhnya ia telah tersesat sejauh-jauhnya" (al-Nisa, 116).

- ii) AKI 2 - Tidak mempersoal kesucian Islam terutamanya yang terangkum dalam rukun Iman.

Analisa kajian mendapat terdapat dua dialog yang mempersoalkan rukun iman secara jelas seperti dalam gambar rajah di bawah.

Gambar Rajah 4



Gambar Rajah 5



Gambar rajah 4 dan 5 memaparkan *scene* yang mengandungi unsur mempersoalkan *qada'* dan *qadar* Allah SWT. Petikan (*quotation*) di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

#### Dialog

*Adam: Kenapa? Ya Allah!* (para 2.5, 00:02:52,11, 00:02:58,05, 00:03:00,13).

#### Dialog

*Pak Osman: Allah tak pernah sayangkan kau! Kebaikan apa yang dia bagi?  
Kau tengok isteri kau mati! Sudah jelas Adam? Allah tak pernah terima segala amal ibadat kau. Dia tak jaga dan lindungi kau.* (para 2.6, 01:26:57,04, 01:27:00,15, 01:27:10,05).

Dialog Adam merupakan manifestasi tekanan dan kekecewaan yang mendalam sehingga mengungkapkan perkataan kenapa yang bermaksud sebab apa (Noresah Baharom , 2007). Ia menjadi indikator mempersoalkan

takdir yang telah Allah SWT tentukan kepadanya seolah-olah enggan menerima kenyataan tersebut. Sedangkan wajib bagi seorang mukmin untuk menerima segala ketentuan Allah SWT dengan redha dan sabar (Mustafa Al-Khinn, 2008). Ini berdasarkan firman Allah SWT, "Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran" (al-Qamar, 49). Jika tiada ungkapan kenapa, tafsirannya sudah pasti berbeza. Manakala dialog Pak Osman adalah tersasar jauh daripada akidah yang betul. Tidak dinafikan dialog ini hanyalah lakonan dan bertujuan untuk mendidik audien tetapi ia diungkapkan oleh seorang muslim yang mempertikaian kekuasaan dan hakikat tauhid. Ditakuti akan menjasaskan keimanan kepada Allah SWT. Sebaiknya watak ini tidak dilakukan oleh seorang muslim.

- iii. AKI 6 - Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.  
Terdapat beberapa *scene* yang tidak menepati AKI 6 seperti yang ditunjukkan pada gambar rajah di bawah.

Gambar Rajah 6



Gambar Rajah 7



Gambar Rajah 8



Gambar rajah 6 hingga 8 adalah plot babak yang berkisar dengan persoalan mimpi dan sihir. Petikan (*quotation*) di bawah adalah mengikut kronologi gambar rajah.

Adam bermimpi bertemu isterinya Zulaikha. Mereka berdua berbicara antara satu sama lain (para 2.7, 00:24:29,11, 00:24:33,10, 00:25:21,00).

Mimpi Adam menggali kubur dan keluarkan jenazah Zulaikha dari liang lahad. Kemudian membawanya ke rumah untuk ditunjukkan kepada anaknya Amir yang sangat merinduinya (para 2.8, 00:56:16,17, 00:57:19,18, 00:58:00,22, 00:59:15,06, 01:00:18,12, 01:00:59,06.).

### Dialog

*Adam: Rupa-rupanya Pak Osman yang menyihir orang kampong selama ini untuk mendapatkan kekayaan* (para 2.9, 01:24:08,06, 01:24:48,13, 01:25:04,06.).

Mimpi tergolong dalam perkara *ghaibiyyah* (perkara ghaib). Pihak JAKIM juga telah mengeluarkan garis panduan bagi penerbitan di media sebagai pedoman kepada pengkarya seni. Dalam gambar rajah 6 paparan babak mimpi Adam dengan Zulaikha berdurasi 58 saat bercanggah dengan pegangan akidah *Ahli Sunnah wa Al-Jamaah*. Malah paparan kisah-kisah yang berkaitan dengan penjelmaan semula roh orang yang telah mati (*istihdhar al-Arwah*) ini dilarang di paparkan berdasarkan garis panduan JAKIM (JAKIM, 2015). Terdapat hadis Rasulullah SAW tentang mimpi yang berkait rapat dengan gambar rajah 6. Terjemahan: Diceritakan kepada kami daripada Auf dari Muhammad Bin Sirin daripada Abi Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda “Mimpi itu tiga jenis iaitu khabar gembira dari Allah SWT (mimpi yang disebabkan) dari kondisi kejiwaan dan rasa takut yang ditimbulkan oleh syaitan untuk menakut-nakutkan. Jika salah seorang daripada kamu bermimpi dengan mimpi yang baik, maka hendaklah ia menceritakan jika dirinya menghendaknya, dan jika mimpi itu tentang sesuatu yang dibenci (buruk) maka hendaklah ia tidak menceritakan kepada sesiapa pun, hendaklah ia bersegera menuaikan solat” (Riwayat Ibn Majah: Sahih).

Dalam konteks plot filem, mimpi Adam yang berdurasi 1 minit 3 saat diklasifikasikan dalam kategori mimpi buruk. Kandungan mimpi yang memaparkan babak meruntuhkan kubur, mengorek dan mengeluarkan jenazah serta membawanya pulang ke rumah merupakan adegan yang tidak baik berdasarkan logik akal. Bahkan bercanggah menurut perspektif agama berdasarkan pemahaman hadis di atas. Islam melarang untuk menceritakan mimpi yang buruk secara *verbal*, maka paparan secara *visual* lebih-lebih lagi ditegah. Manakala gambar rajah 8 berdurasi 1 minit 4 saat memaparkan watak Pak Osman yang terlibat dengan amalan sihir untuk mengaut kekayaan harta

walaupun mengorbankan nyawa orang lain adalah perbuatan syirik kepada Allah SWT (para 2.12, 01:04:35,19, 01:03:51,05, 01:04:02,05).

- iv. AKI 7 - Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran.
- Kod AKI 7 signifikan dalam babak Maria yang mempersoalkan istilah ‘kami’ yang terkandung dalam al-Quran seperti mana dalam gambar rajah 9.

Gambar Rajah 9



#### Dialog

Maria: Kenapa Allah sebut ‘kami’. Sebab saya pernah mimpi orang beritahu saya perkara yang Allah sebut merujuk pada dia dan ...

Zeti: Ya Allah! Maria yang cakap itu iblis. Yang dimaksudkan ialah kebesaran dan keagungan Allah SWT (para 2.12, 01:04:35,19, 01:03:51,05, 01:04:02,05).

Maria tetap mempertahankan persoalan tersebut dan mempertikaian istilah yang terkandung dalam al-Quran hanya dengan menggunakan pendapat logik tanpa merujuk kepada sumber yang berautoriti. Beliau menunjukkan reaksi ketidakpuasan hatinya hingga akhir perbualan mereka berdua. Walaupun Zeti meminta Maria mengucap shahadah tetapi teguran itu langsung tidak diendahkan oleh Maria. Ia bertentangan dengan hadis yang melarang penafsiran al-Quran dengan pendapat dan logik akal semata-mata seperti, “Sesiapa yang berkata tentang al-Quran dengan logik akalnya (semata-mata), seolah-olah dia menempah tempat duduk di neraka” (Riwayat al-Tirmidhi, 2951)

- v. AKI 12 - Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mendewa-dewa dan pemujaan selain daripada Allah SWT seperti kuasa hantu.
- Babak filem ini mengandungi elemen pemujaan kepada Iblis secara terang-terangan. Rujuk gambar rajah di bawah.

Gambar Rajah 10



Gambar rajah 10 menunjukkan adegan Pak Osman membacakan mentera dalam bahasa Arab walaupun agak tidak jelas butirannya tetapi ia merupakan ungkapan pengagongan kepada iblis.

Dialog mentera (para 2.13, 01:25:37,04, 01:25:43,18, 01:49:48,04).

Pak Osman: *Kholdi yuka Ya Zabnabur!*

*Allimni saiduka allazi aqamaha*

*Azil yadaka ya iblis!*

*Tanmir azal mukmin min ajli azizuka*

*Za taka ya iblis ya iblis!*

Diabadikan engkau wahai Zabnabur!

Ajarilah aku wahai tuanku yang berdiri padanya

Keluarlah tangan engkau wahai Iblis!

Buli akan orang mukmin dengan kekuasaan engkau

Zat kamu wahai iblis!

Isi kandungan mentera tersebut jelas mengandungi elemen syirik kepada Allah SWT kerana memuja syaitan seperti mana yang terkandung dalam hadis, "Dosa besar yang paling besar, adalah menyekutukan (sesuatu) kepada Allah" (Riwayat hadis Bukhari, 6919). Dalam konteks filem *scene* mentera berbentuk pemujaan berdurasi 27 saat dikira agak lama malah wujud dengan secara jelas paparan imej syaitan juga dipertontonkan (Salih 'Abdul 'Aziz, 2002). Ia secara langsung melanggar garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM bahawa semua penerbitan yang memaparkan amalan jampi serapah yang dicampuradukkan dengan perkara-perkara kufur yang boleh membawa kepada syirik (JAKIM, 2015). Secara keseluruhan, skor minit yang tidak signifikan dengan kepatuhan syarak adalah 13.9 minit bersamaan 44.8% daripada jumlah keseluruhan yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah yang dikaji iaitu 31 minit.

## SARANAN

Filem merupakan wahana dakwah yang efektif bagi membentuk ufuk pemikiran dan mempengaruhi tingkahlaku seseorang individu. Aspek akidah

adalah elemen yang tidak boleh dikompromi. Namun, beberapa langkah solusi boleh diambil sebagai alternatif dan intervensi iaitu;

- i) Kreativiti dalam menggunakan teknik *Sinematografi* khasnya *scene-scene* yang boleh ditafsir atau mengundang kontroversi khususnya isu akidah.
- ii) Elakkan ungkapan yang boleh membawa kepada tafsiran yang menyalahi akidah tetapi menggunakan bahasa badan.

## KESIMPULAN

Hasil kajian merumuskan bahawa terdapat lima (5) kod yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah berbanding 14 kod bagi akidah. Ia terdiri daripada aspek syirik, khurafat dan tahlul, mempersendakan rukun iman, bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah, mempersoalkan kewibawaan sumber hukum dan mengandungi unsur pendewaan dan pemujaan selain Allah SWT. Jumlah skor peratusannya adalah 44.8% bersamaan 13.9 minit daripada jumlah keseluruhan yang tidak signifikan dengan kepatuhan syariah yang dikaji iaitu 31 minit.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS). Tajuk penyelidikan: Pembinaan modul Patuh Syariah dalam Penerbitan Filem dan Drama Islam di Malaysia. Kod: FRGS/1/2016/SS/UM/02/9.

## RUJUKAN

### Buku

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. (2004). "Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja: Kajian Ke Atas Fakir Miskin di Kawasan Luar Bandar". Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004). Hotel City Bayview Langkawi, 4-6 September 2004.
- Abdullah Sulung dan Mawaddah Abdullah. (2010). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*.
- Ahmad Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn Hajar al-Asqalani. (2011). *Fath al-Bari. Sahih Bukhari*. Riyad: Dar al-Tibah.
- Anselm Strauss and Juliet M. Corbin (1998). *Basic Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory*. 2nd edition. Thousand Oaks: SAGE Publication.
- Azizi Yahaya, et al. (2014). "Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah", Proceeding of National Action Research Conference.

- Faridah Mat. (2006). "Unsur-unsur yang Bertentangan dengan Akidah Islam dalam Filem Bollywood". Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). "Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah". Edisi 2. Putrajaya: JAKIM.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. (1987). *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Monika Munirah Abd Razzak et al (2016)."Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Unsur-unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram". International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ) 2016. Krabi Front Bay Resort, Krabi. Thailand. 29 oktober 2016.
- Muhammad Hamidullah. (1983). *Introduction to Islam*. Vol. 2. International Islamic Federation of Student Organization.
- Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah. (1984). *Sunan Ibn Majah*, (Riyad: Syarikah al-Tiba'ah al-Sa'udiyah.
- Mustafa Al-Khinn & Mustafa Saïd. (2008). *Al-Fiqh Al-Manhāji àlā Madhab Al-Imām Al-Shāfiē*. Cet. 9. Dimashq: Dal al-Qalam.
- Mustafa Sa'id al-Khan. (1996). *Al-'Aqidah al-Islamiyah: Arkanuha Haqa'iqhā Mufsidatuha*. Cet. 1. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Naim Hj Ahmad. (2011). *Filem Islam Satu Perbicaraan*. Shah Alam, Selangor: UN Production Sdn. Bhd., 2011
- Noresah Baharom. 2007. *Kamus Dewan*. Cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahid Redza Bin Haji Md. Saleh. (tt). *Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat*. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Salih 'Abdul 'Aziz Bin Muhammad. (2002). *Tamhid li Sharh Kitāb al-Tauhid*, cet. 1. Riyad: Dar Tauhid.
- Zoheir Sabaghpoour Azarian, "Influence of Media Viewing Habits on Attitude towards Aggression among Scholboys at International School in Kuala Lumpur", (tesis master, Institut Pengajian Sains Sosial: Universiti Putra Malaysia, 2009).

## Jurnal

- Azlina Asaari dan Jamaluddin Aziz. (2013). "Mencabar Ideologi Maskulin: Wanita dan Saka dalam Filem Seram di Malaysia". *Jurnal Komunikasi*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jil. 19.

- Juliana Abdul Wahab dan Mahyuddin Ahmad, "Filem Box Office dan Ideologi: Satu kajian Terhadap Filem-filem Terpilih di Malaysia". *Journal of Arts Discourse*, vol 8.
- Siti Aisyah Hadi Munir dan Muhammad Faisal Asha'ari. (2017). "Kesan Filem Seram terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur". *Jurnal Al-Hikmah*. Jilid. Ke-9.
- Wan Norina Wan Hamat, et al. (2013). "Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia". *The Online Journal of Islamic Education*, vol 1.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*